

Transformasi pengangkutan awam bandar

» Beri pelbagai manfaat, tingkat ekonomi melalui pemodenan kemudahan awam

Seperi kebanyakan aktiviti ekonomi berintensifkan prasarana, sektor pengangkutan adalah komponen penting kepada ekonomi berkenaan yang mana kesannya adalah pembangunan dan kebajikan rakyat.

Sistem pengangkutan yang cepak menyediakan peluang ekonomi dan sosial, tambahan kepada manfaat diperoleh yang ma-



FOKUS
www.pemandu.gov.my

perkhidmatan rel ini akan meliputi peningkatan perkhidmatan KTM Komuter, program pemulihan trek untuk KTM Komuter dan juga pemodenan



Transformasi perkhidmatan LRT meningkatkan jumlah penumpang dan meluaskan akses orang awam terhadap perkhidmatan ini.

na hasilnya adalah kesan berlipat kali ganda seperti akses kepada pasaran, peluang pekerjaan dan pelaburan tambahan. Sistem pengangkutan yang cekap meningkatkan keupayaan dan mengurangkan kos.

Bagi Malaysia yang sedang berkembang menjadi negara berpendapatan tinggi, kesan daripada sistem pengangkutan yang cekap adalah besar terhadap persekitaran sosial serta alam sekitar yang tidak seharusnya dipandang remeh.

Atasi masalah kesesakan

Masalah kesesakan di pusat bandar dapat ditangani dengan kejayaan beberapa inisiatif yang diperkenalkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pengangkutan Awam Bandar (UPT) yang memberikan perkhidmatan lebih baik kepada 1.6 juta penduduk bandar.

Melalui pembangunan prasarana yang dilaksanakan secara besar-besaran, berlaku peningkatan dalam penggunaan pengangkutan awam kepada 334,598 orang pada waktu puncak bagi tahun 2012 daripada 226,184 yang dicatatkan pada tahun 2010.

Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 yang menekankan kepada pengurangan kesesakan di bandar dilaksanakan dengan meningkatkan perkhidmatan rel dan bas yang kemudiannya disepadukan bagi menyediakan sistem pengangkutan yang berkesan dan lancar. Pengenal 35 set tren empat gerabak untuk sistem aliran ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya pada tahun 2011, meningkatkan kapasiti penggunaan harian sebanyak 4.3 peratus kepada 226,602 penumpang daripada 217,084 yang dicatatkan tahun sebelumnya.

Fasa seterusnya transformasi

ter dan juga meningkatkan sistem komunikasi dan elektrik.

Mudah perjalanan

Bagi LRT, projek penyambungan laluan dari Kelana Jaya ke Ampang sedang dilaksanakan bagi memudahkan perjalanan orang ramai antara kawasan komersial dengan perumahan seperti Puchong, Sri Petaling, Putra Heights, Kelana Jaya, Subang Jaya dan USJ.

KL Monorail pula akan diberi sokongan untuk meningkatkan dua kali ganda kapasitinya selain sambungan kepada sistem ini yang dijangka pada tahun 2017. Kawasan yang akan mendapat manfaat adalah Jalan Klang Lama, Jalan Tun Sambanthan, Bangsar dan Mid Valley.

"Fokus GTP 1.0 adalah menjadikan pengangkutan awam opsyen yang menarik dan selesa kepada pengguna. Sasaran kita adalah memberikan pilihan kepada orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam. Bagi menarik minat mereka menggunakan perkhidmatan ini, kita harus menyediakan sistem pengangkutan awam yang berkesan dan boleh diharap," kata Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri Long See Wool.

Pembaikan untuk perkhidmatan bas di Lembah Klang pula meliputi baik pulih 1,116 perhentian bas dan membina 272 perhentian bas baru. Puduraya yang terkenal sebagai ikon Kuala Lumpur pula sudah menjalani proses penambahbaikan menyeluruh dan kini ia berfungsi sebagai terminal antara bandar yang dikenali sebagai Pudu Sentral. Terminal bas baru, Terminal Bersepadu Selatan di Bandar Tasik Selatan juga sudah memulakan



Paparan digital **Sistem Maklumat Penumpang** memudahkan pengguna mengetahui ketibaan dan jadual perjalanan bas.

operasi semenjak Januari 2011.

Sebagai tambahan, pengguna pengangkutan bas juga dapat menganggarkan kadar menunggu ketibaan bas melalui pengenalan Sistem Maklumat Penumpang (PIS) yang dapat mengesan lokasi bas melalui penggunaan Sistem Pengesanan Global (GPS).

Untuk GTP 2.0, fokus adalah meningkatkan rangkaian bas henti-henti di Greater Klang Valley dengan membentuk rangkaian bas yang lebih sistematik, merasionalkan bilangan pengusaha bagi setiap laluan dan memastikan bas ini berhenti di Terminal Pengangkutan Antara Bandar (IUTT) di Pusat Perdagangan Utama (CBD).

Pasang CCTV

Bagi memastikan kelancaran trafik di laluan bas, Kamera Litar Tertutup (CCTV) akan dipasang di kawasan utama bagi menghalang kenderaan persendirian menggunakan lorong khas berkenaan.

NKRA UPT turut memberi penekanan kepada isu utama yang dihadapi pemandu teksi dengan melaksanakan Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat bagi meningkatkan penguatkuasaan serta memantau keupayaan kawal selia juga terhadap pengusaha rangkaian teksi.

Satu pelan perniagaan baru untuk pemandu teksi dibentuk bagi membolehkan golongan ini mendapat bantuan daripada segi pe-

FAKTA NOMBOR

334,598
pengguna

pengangkutan awam bandar
pada waktu puncak pagi untuk 2012

nyelenggaraan kenderaan dan pakej pembiayaan.

Long menambah, GTP 2.0 akan diteruskan berdasarkan momentum dibina pada GTP 1.0 yang memberi penekanan lebih besar bagi mempertingkatkan, membaik pulih dan memperbanyakkan perkhidmatan supaya selaras dengan pembangunan pesat perbandaran negara.

Tingkat kemudahan awam

Adalah sangat penting kesesakan lalu lintas yang dialami di bandar ditangani melalui peningkatan sistem pengangkutan awam dan transformasi struktur sedia ada.

"Melalui perubahan ini dan peningkatan terhadap sistem pengangkutan awam, pengguna dapat memastikan perjalanan mereka di sekitar Kuala Lumpur lebih mudah diakses, cekap dan selesa. Aspirasi kita adalah membentuk prasarana mampan di mana pergerakan pengguna ditingkatkan dengan berkesan dan semua sistem yang disepadukan membawa kepada kualiti kehidupan lebih baik, pembangunan sosio ekonomi dan pembaharuan bandar," kata Long.